



**KENYATAAN RASMI**  
**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**

**MAKLUMAN PEWARTAAN DAN PENGUATKUSAAN PERINTAH PELESENAN**  
**TENAGA ATOM (KILANG AMANG KECIL) (PENGECUALIAN) (PEMBATALAN)**  
**2021 [P.U.(A) 435/2021]**

Perintah Pelesenan Tenaga Atom (Kilang Amang Kecil) (Pengecualian) (Pembatalan) 2021 [P.U.(A) 435] yang diwartakan pada 1 Disember 2021 telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2022. Susulan pewartaan dan penguatkuasaan Perintah ini, mana-mana pengusaha kilang amang kecil yang berurusan dengan amang dan / atau mineral yang mengandungi bahan radioaktif yang wujud secara semulajadi (NORM) dengan **aras keradioaktifan melebihi aras pengecualian** yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga Perintah Pelesenan Tenaga Atom (Bahan Radioaktif Keaktifan Rendah) (Pengecualian) 2020 [P.U.(A) 256/2020] adalah **TERTAKLUK** di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304] dan perlu dilesenkan.

Pembatalan Perintah ini bagi melindungi kesihatan dan keselamatan orang awam, pekerja serta alam sekitar daripada sebarang risiko dedahan sinaran. Mana-mana pengusaha kilang amang hendaklah dengan segera mengemukakan permohonan lesen di bawah Akta 304 dan tindakan penguatkuasaan boleh di ambil ke atas mana-mana pengusaha kilang amang yang gagal mematuhi arahan ini.

---

**TAMAT**

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat  
Lembaga Pelesenan Tenaga Atom  
No. Tel: +603-89225888 No. Faks: +603-89223685  
Dikeluarkan pada 05 September 2022



[www.aelb.gov.my](http://www.aelb.gov.my)



aelb.my



@myaelb



aelb\_malaysia



[corporate@aelb.gov.my](mailto:corporate@aelb.gov.my)